

# Anwar putar belit cerita: Dr M

## Bekas Perdana Menteri nafi pernah tulis surat minta bantuan Bank Dunia

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar  
faridzwan@bharian.com.my

**T**ASEK GELUGOR: Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan beliau pernah menulis kepada Bank Dunia untuk meminta bantuan dana ketika krisis kewangan 1997/98 seperti didakwa Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bekas Perdana Menteri berkata, sebaliknya beliau menolak bantuan cuba ditawarkan Bank Dunia kerana bimbang kedudukan ekonomi negara dikuasai pihak luar.

"Bank Dunia sebenarnya beria-ria mahu menawarkan bantuan dana kepada Malaysia pada masa itu. Saya tolak kerana tak mahu termakan budi, sekali gus menjadikan negara ini hamba mereka.

"Justeru, saya minta Anwar buktikan dan tunjukkan surat yang kata saya ada menulis kepada Bank Dunia mohon bantuan... barangkali dia sudah lupa siapa sebenarnya minta bantuan Bank Dunia," katanya pada sidang media selepas merasmikan Multaqa Wahdatul Ummah Ketiga di sini, semalam.

Program anjuran Persatuan Kariah-Kariah Masjid Negeri Pulau Pinang itu dihadiri kira-kira 300



DR MAHATHIR bersalaman dengan orang ramai selepas merasmikan Multaqa Wahdatul Ummah Ketiga, di Tasek Gelugor, semalam.

orang termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yacop.

Dakwaan itu dibuat Anwar ketika menyampaikan ucapan pada majlis makan malam membincang-

kan Program Transformasi Ekonomi (ETP) anjuran kerajaan Selangor, kelmarin.

Sementara itu, Nor Mohamed berkata, ketika menjadi Penasihat Ekonomi kepada Dr Mahathir, be-

liau masih ingat bekas Perdana Menteri menghalau beberapa wakil Bank Dunia keluar dari pejabat kerana mendesak meminjam sejumlah dana bank itu ketika krisis kewangan berkenaan.

## Rakyat perlu renung sumbangan BN

**T**APAH: Rakyat termasuk masyarakat Orang Asli perlu merenung kesungguhan dan sumbangan besar kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam menjaga kepentingan mereka daripada mempercayai pelbagai janji manis pembangkang.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal, berkata mereka boleh mengukur apa yang sudah dilakukan kerajaan selama ini, termasuk aspek pembangunan dan mensejahterakan hidup mereka, malah memberikan bantuan kewangan kerana memahami beban yang ditanggung rakyat akibat kenaikan kos sara hidup.

Justeru, katanya, rakyat tidak harus terpedaya dan mendengar cerita pembangkang yang memburukkan kerajaan.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian bantuan kepada masyarakat Orang Asli di Parlimen Tapah, di Kampung Orang Asli Sungai Krioh di sini, semalam.

"Kebenaran bukan pada janji, tetapi pada perbuatan. Jadi, jangan dengar cerita pembangkang yang menjanjikan bulan dan bintang, tetapi kenyataannya sifar," katanya.